

Jun 1992

RPK 421 - Landskap

Masa : 3 Jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

1. Seni bina landskap adalah satu bidang yang menekankan kepada aspek perancangan dan rekabentuk rupabumi serta perhubungan manusia dengan alam sekitar.

Bincangkan.

(20 markah)

2. Berikan pengertian kepada istilah-istilah berikut:-

- | | |
|---------------|---------------|
| (a) Topiary | (f) Polis |
| (b) Aquaduct | (g) Ziggurat |
| (c) Peristyle | (h) Maydan |
| (d) Atrium | (i) Piazza |
| (e) Agora | (j) Acropolis |

(10 markah)

3. Sejarah senitaman boleh membantu pereka landskap di dalam menyedari bagaimana faktor-faktor fizikal, sosial dan ekonomi memainkan peranan masing-masing di dalam pembentukan landskap secara amnya dan pembentukan senitaman khususnya. Bincangkan.

(20 markah)

4. Ian McHarg dalam bukunya "Design with Nature" membincangkan bahawa sistem perancangan landskap hendaklah berdasarkan kepada usul yakni alam semulajadi itu adalah proses dan nilai yang memperlihatkan kedua-dua peluang serta konstren untuk kegunaan manusia. Bincangkan.

(20 markah)

5. Krisis Alam Sekitar telah mula diperkatakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan ialah dengan mewajibkan penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) sebelum sesuatu rancangan pembangunan dijalankan.

(a) Bincangkan peranan bidang seni bina landskap dalam menangani krisis alam sekitar.

(10 markah)

(b) Terangkan perkara-perkara yang perlu dibincang dalam EIA.

(10 markah)

6. Tatanama binomial adalah kaedah yang digunakan di dalam pengkelasan tumbuhan dan dalam menyediakan pelan penanaman landskap kaedah di atas digunakan.

Berikan nama biasa bagi tumbuhan-tumbuhan hiasan berikut:-

- (a) *Andira surinamensis*
- (b) *Banhinia blakeana*
- (c) *Cerbera odollum*
- (d) *Delonix regia*
- (e) *Erythrina glauca*
- (f) *Fagraea fragrans*
- (g) *Garcinia magostana*
- (h) *Hibiscus rosa sinensis*
- (i) *Ixora sunkist*
- (j) *Juniperus chinensis*

(10 markah)